


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
صِرَاطَ الْمُسْتَقِيمِ

Jalan Yang Lurus



Al Mustaqim
No. 41 Jalan Rose Merah
4/10 Taman Johore Jaya
Johor Bahru, Johore 81100
Malaysia

Al Mustaqim
No. 41 Jalan Rose Merah
4/10 Taman Johore Jaya
Johor Bahru, Johore 81100
Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

صِرَاطَ الْمُسْتَقِيمِ

Jalan Yang Lurus

Assalaamu'laikum wa Rahmatulaahi wa Barakaatuh

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Panyayang.

Seratus empat orang lelaki, wanita dan kanak-kanak pada 19hb Disember 1997 telah bertolak dari Jakarta menuju ke Singapura dengan pesawat Boeing 737 nombor penerbangan MI185. Pasti tidak ada seorangpun diantara para penumpang pesawat itu yang menduga bahawa mereka akan menghadapi kematian tidak lama setelah mereka bertolak dari Jakarta. Malangnya, pesawat tersebut nahas dan jatuh berkeping-keping di Palembang, dekat Sungai Musi dan semua orang penumpang telah terkorban nyawa.

Diseluruh dunia ini tidak terhitung betapa banyaknya orang yang tewas dalam berbagai malapetaka seperti itu; bencana alam yang datang dengan tiba tiba seperti gempa bumi, angin taufan, kapal tenggelam, kecelakaan lalu-lintas dan lain lain. Setiap hari, ada orang yang meninggal, bahkan pada waktu anda membaca tulisan ini ada yang sedang menghadapi maut. Ramai orang yang berusaha untuk hidup lebih lama melalui

senaman, berhenti merokok, makan vitamin-vitamin dan lain-lain. Namun kita tidak dapat menyangkal kenyataan. Pada suatu hari kita akan meninggal juga, dan apa sahaja yang kita lakukan tidak dapat menghalang ketibaan masa itu. Ada yang berkecenderungan bahawa kita tidak akan mati apalagi jika segalanya berjalan dengan baik, jika tidak ada kekurangan, jika ekonomi melambung, suasana aman damai, dan kita cukup makan. Kematian terlalu mudahnya dilupakan.

Yang sebenarnya kematian adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan oleh seorompok di dunia ini. Ramai juga yang berpendapat bahawa kematian adalah persoalan orang-orang yang sudah tua sahaja, tetapi sebenarnya, kematian itu tidak memandang umur. Sepasti matahari terbenam setiap hari, kematian pasti akan tiba, sama ada orang yang berkuasa, berpangkat, pandai, kaya atau miskin. **Kematian menjadikan mereka yang berpangkat tinggi setanding dengan yang miskin atau berpangkat rendah.**

Manusia ditetapkan mati hanya sekali sahaja dan setelah itu dihakimi. Anda diminta untuk bersiap dan berwaspada akan datangnya saat kematian dan setelah itu bersiap pula untuk mempertanggungjawabkan semua yang telah anda melakukan selama hidup di dunia ini kepada HAKIM AGUNG. Dialah yang berkuasa untuk memasukkan anda ke syurga atau mencampakkan anda ke neraka.

DUNIA INI SEMENTARA SAHAJA!

Apakah maknanya kehidupan ini?

Kehidupan ini sama seperti asap, di tiup angin lenyaplah dia. Sesungguhnya manusia seperti hembusan nafas sahaja, dan semuanya sia sia.

Ramai yang mengejar kebahagiaan hidup di dunia ini. Setiap hari mereka hanyalah sibuk dengan urusan-urusan dunia ini; sibuk mencari duit, sibuk bekerja, sibuk dengan kesukaan. Mereka sendiri bahawa saat nya akan tiba, apabila segalanya akan berakhir dan kita kembali kepada khaliq kita. Kehidupan ini juga penuh penderitaan dan air mata. Kita mengalami jauh lebih banyak penderitaan di dunia ini jika dipertimbangkan dengan kesenangan yang kita perolehi.

Syaitan mengajukan supaya nikmatilah kesenangan-kesenangan dunia dengan sepuas-puasnya dan buatlah dosa kemudian jadilah penghuni neraka untuk selama-lamanya. Walaubagaimanapun Tuhan memberi petunjuk, ajaran dan jalan untuk mengendalikan diri kerana kehidupan yang sebenarnya bukanlah di dunia yang sementara ini tetapi di syurga yang kekal. Jadi berwaspada lah supaya jangan menghanyuti diri dalam dosa dan kesenangan-kesenangan dunia yang sementara ini tetapi ikutlah ajaran dan jalan Tuhan agar anda hidup.

Di akhirat ada dua tempat tujuan bagi roh manusia iaitu syurga dan neraka. Seketika roh manusia tentu masuk ke salah satu tempat itu, maka orang itu akan kekal disitu.

Manakah yang anda pilih?

SYURGA

Inilah tempat bersara yang paling indah dimana taman-taman yang teduh dapat dinikmati kedamaian dan penghormatan. Disini mereka yang disucikan dari dosa akan hidup bersenangan sambil memuji Allah yang menghapuskan dukacita untuk selama-lamanya.

Fikiran kita tidak mampu membayangkan bagaimana indahnya syurga itu. Orang-orang yang menuruti ajaran-ajaran dan mengikut jalan yang Tuhan tunjukkan akan berada di tempat ini.

Bismillahi Rahmanir Rahim

قَالَ إِنَّمَا أَنَا رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَامًا زَكِيًّا

Bagaimana kita boleh mendapat damai sejahtera seperti ini?

Hanya orang yang menerima Rahmat suci dari Allah SWT, Isa A.S., Putra Maryam, boleh langsung masuk syurga kerana dia disucikan oleh Allah SWT (Qs. 19 Maryam 19, 21)

Bismillahi Rahmanir Rahim

إِذْ قَالَتِ الْمَلَأَةُ يَا كَيْفَ يُبَشِّرُني بِوَلَدٍ إِذْ بَدَأْتُ وَتَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَإِنِّي كَافِرَةٌ

أَنبَشِرُ بِمَا تَعْمَلُ فَاذْكُرِي إِذْ تَدْعِينَ اللَّهَ حَرِيًّا وَإِذْ تَقُولُ لَأَرِيدُنَّ إِذْ تَضْحَكِينَ

وَأِذْ تَقُولُ لَأَرِيدُنَّ إِذْ تَضْحَكِينَ وَإِذْ يَأْتِيكِ الْمَلَأُ بِبَشِيرٍ مِّنْ رَبِّكَ فَلَا تُجَادِلِي رَسُولَ اللَّهِ إِنَّكَ عِنْدَ رَبِّكَ لَمَكِينَةٌ

الْمُؤْمِنِينَ

Bahkan dia terkemuka di dunia dan di akhirat...
(Qs. 3 'Aali Imraan 45)

NERAKA

Inilah tempat seksaan yang mengerikan dan tempat kesedihan serta kesengsaraan, di mana pakaian, selimut dan tempat tidur dibuat api. Di atas kepala dan di bawah kaki, api berlapis-lapis. Di mana-manapun penuh api, asap hitam, dan kegelapan. Mata menjadi buta, telinga menjadi tuli dan mulut menjadi bisu. Mereka yang berada di sini mengalami penderitaan yang tidak berhenti. Mereka tidak mati dan tidaklah hidup juga, tetapi mengalami seksaan tanpa kesudahan.

Sejak manusia pertama, Nabi Adam dan Siti Hawa, apabila manusia telah disentuh Syaitan dan menjadi berdosa, maka semua manusia akan dihukum dengan hukuman neraka. Agama dengan syariat-syariatnya harus ditaati dan dilaksanakan sepanjang umur hidup manusia. Manusia juga diharuskan untuk selalunya bermurah hati. Hanya apabila manusia dapat menjalankan segala hal-hal tersebut dengan penuh maka manusia dapat memasuki Syurga.

Apakah kehidupan kita sempurna?

Berapa tekunkah kita sepatutnya menjalankan syariat-syariat agama ataupun berapa banyakkah kita berkemurahan hati agar dapat masuk ke Syurga?

Bismillahi Rahmanir Rahim

وَلَا يَسْكُنُهُ إِلَّا الَّذِينَ كَانُوا خَائِبِينَ

Dan tidak seorang diantara kamu, melainkan mendatangnya (sampai neraka) dan ini bagi Tuhanmu adalah ketetapan yang sudah pastikan...

(Qs. 19 Maryam 71)

JALAN KE SYURGA

Adakah timbangan yang pasti dapat kita lakukan agar kita dapat masuk Syurga? Tidak ada!

Oleh kerana manusia tidak akan pasti agar dapat masuk ke Syurga maka banyak orang tinggal dalam keragu-raguan, dengan kebimbangan dan kegelisahan.

Tetapi sepanjang zaman orang selalu berdoa kepada Tuhan agar ditunjukkan jalan yang harus diikuti manusia agar dapat mencapai syurga.

Bismillahi Rahmanir Rahim

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١﴾

"Ihdinash shiraathal mustaqim"

"Tunjukilah kami jalan yang lurus." (Qs. 1 Al Faatihah 6)

Bismillahi Rahmanir Rahim

يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ هُمْ يُرِيدُونَ وَاللَّهُ يَهْدِي الْقَوْمَ الضَّالِّينَ ﴿٢﴾

سَبِيلِهِ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ظُلُمَاتٍ إِلَى نُّورٍ ﴿٣﴾

"Yaa ayyuhal ladziina amanut taqullaaha wabtaghhu ilaihil wasiilata..."

"Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepadaNya..."

(Qs. 5 Al Maa-idah 35)

Sudahkah anda menemui jalan itu?

ALLAH MAHA PENGASIH MAHA PENYAYANG

(Qs. 1 Al Faatihah 3)

Oleh kerana Tuhan Maha Penyasih lagi Maha Penyayang maka Tuhan di dalam Al Quran telah menunjukkan jalan dan petunjuk-petunjuk diberi jelas patut diikuti agar manusia dapat memasuki Syurga. Marilah kita renungkan Al Quran dan Hadis seperti yang tersebut di bawah ini.

PETUNJUK-PETUNJUK AL QURAN DAN HADIS AGAR MANUSIA DAPAT MENCAPAI SYURGA

Bismillahi Rahmanir Rahim

1. Isa A.S. ialah jalan yang lurus yang patut diikuti

وَلَا تَدْرِي لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْفٰسِقِينَ ﴿١﴾

سَبِيلِهِ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ظُلُمَاتٍ إِلَى نُّورٍ ﴿٣﴾

"Wa innahu la'ilmul lis saa'ati fa laa tamtarunna bihaa wa attabi'unni haadzaa shiraathum mustaqim..."

"Dan sesungguhnya Isa itu benar memberikan pengetahuan tentang hari kiamat kerana itu janganlah kamu ragu tentang hari kiamat itu dan ikutlah Aku. Inilah jalan yang lurus..."

(Qs. 43 Az Zukhruf 61)

2. Isa A.S. pembawa keterangan dan patut ditaati

وَأَمَّا حَآءَ عِيسَىٰ بِالرِّبِّيِّ قَالَ قَدْ جِئْتُكُمْ بِالْحِكْمَةِ وَلِأُبَيِّنَ لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي تَخْتَلِفُونَ فِيهِ ۖ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ۗ ﴿٦٣﴾

"Wa lammaa jaa-a 'Isa bil bayyinaati qaala qad ji'tukum bil hikmati wa li ubayina lakum ba'dhal ladzii taththalifuuna fihi fat taqullaaaha wa athi'un"

"Dan tatkala Isa datang membawa terang dia berkata sesungguhnya aku datang membawa hikmat dan untuk menjelaskan kepadamu sebahagian yang apa kamu perselisihkan tentangnya, maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaKu"

(Qs. 43 Az Zukhruf 63)

3. Isa A.S. mengatakan perkataan yang benar "Dzaalika 'Isabnu Maryama qaulal haqqil ladzii fihi yamtarun..."

ذَٰلِكَ عِيسَىٰ ابْنُ مَرْيَمَ قَوْلَ الْحَقِّ الَّذِي فِيهِ يَمْتَرُونَ ﴿٦٤﴾

"Itulah Isa putra Maryam yang mengatakan perkataan yang benar, yang mereka berbantah-bantahan tentang kebenarannya"

(Qs. 19 Maryam 34)

4. Isa A.S. itu utusan Allah dan Firmannya "Inamal Masihu 'Isabnu Maryama Rasullulloahi wa kalimatuhu..."

يَتَّخِذُ الْكُفْرَ لَا تَقُولُوا عِيسَىٰ مَرْيَمَ زَوْجًا ۚ إِنَّمَا آتَيْنَاهَا آيَاتِنَا فَهِيَ آتَتْهُنَّ عِيسَىٰ مَرْيَمَ وَزَوْجًا ۚ إِنَّمَا آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ وَجَعَلْنَا فِيهِ حِكْمَةً لِّمَنْ يَشَاءُ ۚ وَتِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الَّتِي كُنَّا نُنزِّلُ بِهَا عَلَيْكَ بَيِّنَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٦﴾

"Sesungguhnya Isa Almasih putra Maryam itu utusan Allah dan firmanNya..."

(Qs. 4 An Nisa 171)

5. Isa A.S. adalah Roh-ul-Lah dan KalimatNya "Isa faa innahu Rohullah wa kalimatuhu..."

"Isa itu sesungguhnya Roh Allah dan firmanNya"

(Hadis Anas bin Malik hal.72)

6. Isa A.S. adalah satu-satunya Imam Mahdi "Laa mahdia illa isabnu Maryama..."

"Tidak ada Imam Mahdi selain Isa putra Maryam..."
(Hadis Ibnu Majah)

7. Isa A.S. dilahirkan bukan dari bapa Insani, tetapi dari Roh Allah

وَالَّذِينَ أَحْصَتْنَا فَرَاحَهَا فَتَمَخَّنَا فِيهَا مِنْ رُوحِنَا وَجَعَلْنَاهَا آيَةً
لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٩٦﴾

"Wallatii ahshanaat farjahaa fa nafakhnaa filhaa mir ruuhinaa wa ja'alnaahaa wabnahaa ayatal lil 'aalamiin"

"Ingatlah kisah seorang perempuan yang memelihara kehormatannya (Maryam) lalu Kami tiupkan kepadanya Roh Kami (Roh Allah) dan Kami jadikan dia dan anaknya tanda (kuasa Allah) bagi semesta alam"
(Qs. 21 Al Anbiyaa 91)

8.. Isa A.S. lahir, mati dan dihidupkan kembali

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ﴿١٩٧﴾

"Wa salaamu 'alayya yauma wulittu, wa yauma amuutu, wa yauma ub'atsu hayan."

"Dan sejahtera atasnya pada hari dia dilahirkan, pada hari dia wafat, dan pada hari dia dibangkitkan hidup kembali."

(Qs. 19 Maryam 33)

9. Isa A.S. mati, diangkat dan pengikutnya dipilih atas orang kafir

إِذْ قَالَ آللَّهُ يَبْعِثُ إِسَى مَتُوقِيكَ وَرَافِعِكَ إِسَى وَمَطْهَرَكَ مِنَ
الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلِ الَّذِينَ آمَنُوا فَوْقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِسَى نَوْمِ
الْوَيْعَةِ ثُمَّ إِسَى مَرْحَمَتِكُمْ فَأَعْلَمِكُمْ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُفَرْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٩٨﴾

"Idz qaalallahu yaa Isa, innii mutawafiika, wa raafi'uka ilayya, wa muthahhiruka minal ladzinaa kafaruu, wa jaa'ilul ladzina atbauka fauqal ladzina kafaruu ilaa yaumul qiyamati."

"Ingatlah tatkala Allah berfirman; Hai Isa, sesungguhnya Aku akan mewafatkanMu, dan mengangkatMu kepadaKu, dan akan mensucikan Engkau dari orang-orang kafir, dan menjadikan orang-orang yang mengikutimu di atas mereka yang kafir hingga hari kiamat."
(Qs. 3 Ali Imran 55)

10. Isa A.S. menyembuhkan orang buta sejak lahir

وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُكُمْ بِبَيِّنَاتٍ مِّن رَّبِّكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ وَاللَّهُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ
وَمَا تَدْعُونَ فِي دِينِكُمْ إِن يَشَاءَ اللَّهُ لَيُعَذِّبَنَّ مَن يَشَاءُ
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ
﴿٤٨﴾

"wa ubriul akmaha, wal abrasha, wa uhyil mautaa bi idznillah."

"Dan Aku menyembuhkan orang buta sejak dari lahirnya dan orang yang berpenyakit sopak, dan Aku sanggup menghidupkan orang mati dengan izin Allah" (Qs. 3 Al Imran 49)

11. Isa A.S. menghidupkan orang mati "... wa idz tuhuriijul mautaa biidzni..."

إِذْ قَالَ اللَّهُ لِمَلَكِيَّائِهِ أَنْزِلُوا إِلَيَّ الْإِنْسَانَ فَانزَلْنَاهُ فِي مَكَّةَ وَإِنَّا لَكَنَّا
لَخَالِقُونَ هَذِهِ الْأُمَّةَ عَلَىٰ قَدْرٍ مَّا عَصَوْا وَكُنَّا هَاهُنَا
غَافِقِينَ إِذْ يَخْتَصِمُونَ فَأَنزَلْنَاهُ فِي مَكَّةَ بِآيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لِّئَلَّا
يَخْتَصِمَ فِي دِينِكُمْ إِن يَشَاءَ اللَّهُ لَيُعَذِّبَنَّ مَن يَشَاءُ
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ
﴿٥٠﴾

"... Wa idz tukhnjul mautaa bi-idzni..."

"... dan diwaktu kamu mengeluarkan orang mati dari kubur (menjadi hidup) dengan izin Ku,..." (Qs. 5 Al Maa-Idah 110)

12. Isa A.S. diberi mujizat dan Roh Kudus "Wa aatainaa 'Isabna Maryama bayyinaati wa ayyadnaahu bi ruuhil qudusi."

﴿٥١﴾ وَإِذْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ مَرْيَمَ أَنِ امْكِتِي وَآمُرِي بِالنَّاصِيئَةِ وَأَنْصِتِي لِيُؤْتِيَنَّكَ
رُوحَنَا فَتَمَثَّلِي لِبَنِي إِسْرَائِيلَ بِمَا شِئْتِ فَخَلَّتْ بِالْحِمَاةِ فَأْتَتْهُم
بِهِنَّ حَمِيمًا وَإِن يَدْعُنَّ إِلَىٰ تَهْجِيرِكُنَّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا فَقُلُوا
مَنْ يَدْعُكُمْ بِبُرْهَانٍ مِّنَ اللَّهِ أَفَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ أَفَتَعْبُدُونَ
أَشْيَاءَ مِثْلَ اللَّهِ فَذَكِّرُوا
﴿٥٢﴾

".... wa idz tukhdjuimautaa bhdzni...."

"Dan Kami berikan kepada Isa putra Maryam, beberapa mujizat serta Kami perkuat Dia dengan Rohul Kudus." (Qs. 2 Al Baqarah 253)

13. Kafir orang yang menolak Isa A.S. "Wa bi kufrihim wa qaulihim 'alaa Maryama buhtaanaan 'azhiimaa."

﴿٥٣﴾ وَيَكْفُرُونَ بِكُفْرَانٍ كَبِيرٍ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ لِمَن كَفَرَ
بَعْدَ مَا بَيَّنَّنَا بِلِقَاءِ رَبِّهِ الْحَقَّ وَلَكِن لَّا كَثُرُوا
وَلَا تَنصَحُوا فَأُولَٰئِكَ لَمَّا كَفَرُوا قِيلَ لَهُمْ
قَدْ جَاءَكُم بِالْبَيِّنَاتِ فَكَيْفَ كُفِرْتُمْ
﴿٥٤﴾

"Wa bikufrihim wa qaulihim 'alaa maryama buhtaanaan 'adhiimaa"

"Dan kerana kekafiran mereka (terhadap Isa) dan tuduhan mereka terhadap Maryam dengan kedustaan besar (zinah)." (Qs. 4 An Nisaa' 156)

14. Isa A.S. akan diimani oleh semua ahli kitab

وَإِن مِّنْ أَهْلِ كِتَابٍ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ - فَتِلْكَ نِعْمَةٌ مِّنْ رَبِّكَ - وَتَوْمَ الْقِيَامَةِ تَكُونُ
عَلَيْهِمْ شُهَدَاءَ ﴿٤٤﴾

"Wa im min ahlii kitaabi illa la yu'minanna bihi qabla mauthihiwa yaumul qiyaamati yakunnu 'alaihim syahiidaa."

"Dan tidak seorangpun dari ahli kitab melainkan akan beriman kepada Isa sebelum matinya, dan pada hari kiamat. Dia menjadi saksi terhadap mereka."

(Qs. 4 An Nisaa' 159)

15. Tidak menurut Taurat dan Injil, maka tidak dipandang beragama

مَنْ يَتَّبِعْ أَهْلَ الْكِتَابِ فَتَلْمِذُنٌ مِّمَّنْ لَمَّا كَانَتْ تَجْتَمِعُ الْقَوْمُ لِلْقِيَامَةِ
وَالَّذِينَ جَاءُوا مِن بَعْدِهِمْ لَنَنصُرَهُمْ وَلَنَمُنُّنَّ بِهِمْ كَمَا مُنَّوْا بِهِمْ مِن قَبْلُ
أُولَئِكَ فِي عَذَابٍ مُّهِينٍ ﴿٤٥﴾

"Qul yaa ahlii kitaabi lastum 'alaa syai-in hattaa tukimut tauraata wal injilla wa maa unzifa ilaikum mir rabbikum."

"Katakanlah: "Hai ahli kitab, kamu tidak dipandang beragama sedikitpun hingga kamu menegakkan ajaran ajaran Taurat, Injil dan apa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu."

(Qs. 5 Al Maa-idah 68)

16. AlQuran induk dari Taurat dan Injil

وَإِنَّهُ فِي أُمِّ الْكِتَابِ لَدَيْنَا لَعَلِّمْ حَكِيمٌ ﴿٤٦﴾

"Wa innahu fii ummil kitaabi ladainaa la 'aliyyuna hakiim."

"Dan sesungguhnya AlQuran itu dalam induk Alkitab, di sisi Kami adalah tinggi dan penuh hikmat."

(Qs. 43 Az Zukhruf 4)

17. Isa A.S. berkuasa/terkemuka di dunia dan di akhirat

إِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَا مَرْيَمُ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ
أَسْمَاءُ الْمَسِيحِ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا مِّنْ أَلَدْنِهَا وَأَاجِرَةً مِّنْ
أَلْفَرِيقِينَ ﴿٤٧﴾

"Idz qalatil malaikatu yaa Maryama innallaaha yubasyiruki bi kalimatim minhus muhul masihu 'Isabnu Maryama wajihan fiddun-yaa wal akhirati wa minal muqarrabiin."

"Ketika malaikat berkata, hai Maryam sesungguhnya Allah menggembirakan kamu dengan Kalimah daripadaNya namanya Almasih putra Maryam, terkemuka di dunia dan di akhirat dan orang yang paling dekat pada Allah."

(Qs. 3 Ali Imran 45)

Allah SWT sudah tunjukilah kami:

Nabi Isa A.S. yang paling berkuasa dan terkemuka di dunia dan di akhirat, Nabi Isa A.S. adalah Jalan yang lurus. Jadi ikutilah Nabi Isa A.S. pasti akan masuk ke Syurga. **Begitu penting Nabi Isa A.S. sehingga di dalam Al Quran nama Nabi Isa A.S. disebut sebanyak 97 kali.**

Jika Yang Berhormat Perdana Menteri menjemput anda ke Istana Negara, sudah pasti anda percaya bahawa anda akan diberi masuk ke Istana. Inilah kerana Yang Berhormat Perdana Menteri adalah yang paling berkuasa di negara dan berhak bertindak sebegini.

Jika jemputan ke Istana ditanda tangan seorang yang berpangkat rendah sahaja, tentu anda akan meragui jemputan itu. Nanti tidak dibenarkan masuk. Sedemikian, yang Maha Besar, SWT. Sudah pasti, jemputan Isa A.S., Nabi Isa A.S. diberi hak memerintah atas Syurga, Allah boleh dipercayai dan tidak mengecewakan. Percayalah jemputan Nabi Isa A.S. dan anda pasti tiba di Syurga.

TEMAN YANG MAHA TINGGI

Doa Nabi Muhammad SAW sebelum beliau wafat:

Wahai Tuhan! Ampunilah saya! Kasihanilah saya dan hubungkanlah saya dengan Teman Yang Maha Tinggi...

(Hadis Shahih Bukhari 1573)

Lalu beliau mengangkat tangannya sambil mengucapkan: **"Teman Yang Maha Tinggi"**

Lalu beliau wafat dan rebahkan tangan beliau.

(Hadis Shahih Bukhari 1574)

Siapakah "Teman Yang Maha Tinggi" itu?

Menurut catatan hadits Shahih Bukhari, ialah "Malaikat dan nabi nabi". Malaikat tidak disebut yang Maha Tinggi, jadi "teman" beliau bukan malaikat tetapi nabi-nabi. Lalu siapakah di antara nabi yang layak disebut:

"Yang Maha Tinggi"?

Nabi-nabi yang lain iaitu:

- | | |
|--------------------------------------|-----------------------------|
| "Adam Shafiyullah Allahi Salaam" | = Adam disucikan Allah |
| "Nuh Najiyullah Allahi Salaam" | = Nuh diselamatkan Allah |
| "Ibrahim Khalillullah Allahi Salaam" | = Ibrahim dikasihi Allah |
| "Isma'ili Dzabihullah Allahi Salaam" | = Ismail dikurbankan Allah |
| "Musa Kaliamullah Allahi Salaam" | = Musa difirman kalam Allah |
| "Dawud Kalifatullah Allahi Salaam" | = Dawud khalifah Allah |

(Majmu' Syarif)

Namun beliau telah bersabda: **Bismillahi Rahmanir Rahim**

"Anaa aulan naasi bi 'isabni Maryama fid dun-yaa wal aakhiraafti wal anbiyaaau ikhwaatul li'allaatin ummahaatumum syattaa wa diinuhum waahid."

"Saya yang lebih dekat Isa anak Maryam di dunia dan di akhirat. Semua nabi itu bersaudara kerana seketurunan. Ibunya berlainan sedang agamanya satu."
(Hadis Shahi Bukhari 1501)

"... 'Isabnu Maryama wajihan fid dun-yaa wal aakhirat..."

"... Isa putera Maryam yang terkemuka di dunia dan di akhirat..."
(Qs. 3 'Aali Imraan 45)

"Wal ladzii nafsii bi yadihi layusyikanna ayyanzila fil kumubnu Maryama hakaman muqsithan"

"Demi Allah yang jiwaku di tanganNya, sesungguhnya telah dekat masanya 'Isa anak Maryam akan turun di tengah-tengah kamu. Dia akan menjadi hakim yang adil"
(Hadis Shahih Muslim 127)

"Laa mahdiya illa isabnu Maryama"

"Tidak ada Imam Mahdi selain Isa putra Maryam"
(Hadis Ibnu Majah)

"Isa itu Rohullah, Rasulullah dan Kalimatullah."
(Anas bin Malik hal. 72, Qs. 4 An Nisaa' 171)

Maka "Teman Yang Maha Tinggi" itu adalah Isa Almasih anak Maryam.

Dia dikirim dari Allah SWT dan Dia berfirman:

Bismillahi Rahmanir Rahim

وَلَمَّا جَاءَهُ عِيسَى بِالْبَيِّنَاتِ قَالَ قَدْ جِئْتُكُمْ بِالْحَقِّ وَالْبَيِّنَاتِ لَكُمْ بَيِّنَاتٍ
الَّذِي يَخْتَفُونَ فِيهِ فَانكفوا آلله واطيعون ﴿١٣٠﴾ إِنَّ آلله هُوَ رَبُّكُمْ
فَأَعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿١٣١﴾

"... watabi' unni haadzaa shiraathum mustaqiim."

"... ikutilah Aku, inilah jalan yang lurus."

(Qs. 43 Az Zukruf 63,64)

وَلَا تَكُونُوا تَكْلِيمِينَ قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَمْنَا لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٣٢﴾ إِنَّ شَرَّ الْكَلِمَاتِ

عِنْدَ آلله الْعَمُّ الْكَلِمَةُ الَّتِي لَا يَنْفَعُونَ ﴿١٣٣﴾

Wa-laa takono ka-'Alladhena qaalo sami' Naa waa-hum laa yasma'on Inna sya-rad-dawaabi-bi 'indallahish-shum-mul bukmul-ladzina laa ya'qilun."

"... janganlah kamu menjadi seperti orang yang berkata: "Kami dengar", padahal mereka tidak mendengar. "Sesungguhnya kejahatan-jahat makhluk yang melata dalam pandangan Allah adalah orang-orang yang tuli, bisu yang tidak mahu gunakan akal."

(Qs. 8 Al Anfal 21,22)

- ❑ Renungkanlah Firman Allah SWT ini. Buat Pedoman.
- ❑ Bertaubatlah, jangan sampai Allah SWT masukkan kita dalam golongan orang-orang jahat dan yang tak berakal.
- ❑ Laluilah jalan yang lurus di ayat ini.

Bagaimana Teman Yang Maha Tinggi menolong Kami pada hari ini?

1. Keterangan kebenaran (mukjizat) oleh Teman Yang Maha Tinggi menunjukkan Siratul Mustaqim.

• وَلَئِكَ الرُّسُلُ فَطَّلَعْنَا بَعْضَهُمْ عَنْ بَعْضٍ يَتَّبِعُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَفَعُوا بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ ۖ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْكِتَابَ وَآتَيْنَاهُ أَنْزْلَآءَهُ يَرُوحُ الْقُدُّسُ ۖ وَلَوْ كَفَرَآءَ اللَّهُ مَا أَفْتَنَّا الْآدِمِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ مِنْ نَعْمَةٍ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ۚ وَلَوْ كَفَرَآءَ اللَّهُ مَا أَفْتَنَّاوُا وَلَئِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٥﴾

قَدْ إِخْرَأَهُ مِنَ الْبَدِينِ فَدَرَجَاتٍ الرُّسُلُ مِنَ الْقُرْآنِ فَمَنْ يَتَّقُنِ بِالْمَعْلُومَاتِ
وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدْ أَصْحَبَكَ بِالْإِيمَانِ وَوَدَّ الْوَكُوفُ لَا أَحْصَاهُمْ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٥﴾

"Ia ikraah fe ad- den qad tabayyana ar- rshd min al- ghayy fa- man yakfur bi- at.- laaghot wa- yu'min bi- 'allaah fa- qad istamsaka bi- al- curwah al- wuthqaa laa infis.aam la."

"..... Kami berikan Nabi Isa Ibnu Mariam beberapa keterangan kebenaran (mu'zizat), serta Kami buatkan dia dengan Rohulqudus."... Tidak ada paksaan dalam agama kerana sesungguhnya telah nyata Kebenaran dari kesesatan."

(Qs 2 Al Baqarah 253,256)

Mungkin dalam agama kami, kami telah mengikuti cara jalan nenek-moyang lebih dari jalan Allah SWT yang penuh dengan mu'jizat.

Kami mungkin telah tersesat dari pengertian Nabi Mohammad SAW sendiri: Kami memerlukan mu'jizat Allah Ta'ala yang nyata yang telah di-berikan kepada kami menerusi Teman Yang Maha Tinggi ini! Biarlah kami menolak apa yang tidak di-dapati di-dalam Kitab-ul-Allah yang di-turunkan oleh Allah SWT.

Tanda-tanda yang nyata dari Allah SWT menelanjangkan tipu-helah goda'an syaitan: Mereka menunjukkan jalan Allah SWT yang sebenarnya. Kalimatullah, Isa A.S. menelanjangkan kepura-pura'an dan kekosongan adat-istiadat manusia.

Sesiapa yang menolak cara jalan lain untuk menuruti tanda kebenaran (mu'zizat) Isa A.S. ialah mengikuti kurniaan petunjuk dari Allah SWT. Mereka senantiasa bersiap-sedia untuk kematian dan hari kiamat. Mereka memperolehi kepastian-hati yang mendalam untuk memasuki syurga kerana mereka berlindung di-dalam kesucian Teman Yang Maha Tinggi. Mereka bebas dari perasaan-salah kerana mereka tidak bergantung kepada tunjuk-jalan manusia atau kebaikan tata-laku manusia yang terbatas.

Wahai Al Mu'mineen, jangan abaikan atau ragukan tanda-tanda Kalimatullah Isa A.S. Turuti tanda-tanda ini, maka kami akan melihat Siratul Mustaqim dengan nyata supaya kami dapat berjalan dengan keteguhan hati.

■ Apakah kami telah menolaki cara-jalan lain?

■ Adakah kami di-bimbing oleh firman-firman yang penuh dengan mu'zizat yang di-berikan oleh Teman Yang Maha Tinggi daripada Allah SWT?

2. Teman Yang Maha Tinggi menolong kami sekarang dengan menghulurkan-tanganNya dan memegang kami dengan erat di-dalam Siratul Mustaqim

Allah SWT yang tidak dapat di-sentuh telah menghulurkan Pemegangan-Tangan Nya yang paling di-percayai kepada kami semua di-dalam dunia ini dalam cara yang mana kami boleh merasakan: Ruhu'allah Nya dan Kalimatullah Isa A.S. datang ke-dalam dunia ini menerusi mukjizat sebagai tubuh manusia!

Bismillahir Rahmanir Rahim

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَجِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٢١٦﴾

"laa ikraah fe ad-den qad tabayyana ar-rushd min al-ghayy fa-man yakfur bi- at - taaghot wa- yu'min bi-'allaah fa-qad istamsaka bi- al- curwah al- wuthqaa laa infis aam la—haa wa- 'allaah samec calem"

"...Sesiapa sahaja.. percaya dengan Allah telah pun memegang Pemegangan-Tangan yang paling di-percayai yang tidak akan putus"
(Qs 2 Al Baqarah 256)

"Ayatu'l-Kursi" ini yang begitu terkenal sungguh nyata apabila kami melihat ayat 253: Kami mempunyai perlindungan apabila kami percaya dalam tanda-tanda yang nyata daripada Isa A.S. dan para Nabi-nabi.

- Perlindungan seperti ini dari Allah SWT hanya datang dari Pemegangan-Tangan Nya. Sebagai Roh-ul-lah, Isa A.S. tidak di-sentuh oleh sebarang kekotoran. Hanya dalam kesucian ini sahaja yang boleh kami membuat tali-perhubungan dengan Allah Maha Suci, Yang Maha Suci, Roh dengan Roh. Sebagai Ruh-ul-lah, Ia menyentuh pesakit-pesakit dengan kasih-sayang Nya serta Kekuasa'an Nya.
- Dia adalah yang **paling Di-Percayai** kerana dia datang dari Al Haq, Dia yang KebenaranNya Teragung di-dalam dunia yang penuh dengan tipu-daya.
- Perlindungan yang datang dari Nya **tidak boleh terputus** kerana Dia telah di-uji dengan menghasilkan kejayaan dan mempunyai Ketenteraman-hati walaupun berada di-dalam kesengsaraan yang paling dahsyat dalam dunia ini. Pada masa itu, Dia bersabda:

Bismillahir Rahmanir Rahim,

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ﴿١٩٦﴾

"Wa salaamu 'alayya yauma wulittu, wa yauma amuutu, wa yauma ub'atsu hayan."

"Dan Ketenteraman mendampingi Ku pada hari Aku di-lahirkan, pada hari Aku wafat, dan pada hari aku di-naikkan (kembali)."
(Qs 19 Maryam, 33)

Pemegangan-Tangan yang paling di-percayai yang tidak akan putus.

Menerusi hidup dan kematian, kami boleh mempunyai Ketenteraman ini yang kekal-abad, jika kami percaya dalam tanda mu'jizat dari Allah Ta'alah berkenaan hidup dan mati:

Bismillah Hirrahman Nir-Rahim,

إِذْ قَالَ اللَّهُ تَبِعُونِي أُوذِيَ مَثْوِيكُمْ وَارْتَمَقْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ أَكْثَرًا مِمَّا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ
الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَلَّوْا أَلْدِينِ أَتَبِعُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ يَوْمِ
الْقِيَامَةِ إِنَّا إِلَىٰ أَعْيُنِنَا أَمْثَلُ الْغَيْبِ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ



Dalam Surah Al Imran, ayat 55, Allah SWT, Empunya Hari Kehakiman, mengambil kembali (nyawa) Isa, membangunkan kembali kepada Nya. Allah SWT menyelesaikan Isa A.S. dari segala dak'waan, dan memberi setinggi-tinggi pahala ke-atas mereka yang beriman kepada pengorbanan Isa A.S.

Insyah Allah, apabila kami mengambil perlindungan dalam Pengorbanan Isa A.S., Allah SWT menyelesaikan dan membangunkan kami dari mukjizatNya ke syurga bersama-sama dengan Nya.

Al Hamdul'illahl.

Nabi Mohammad SAW sendiri tidak bersandar kepada jihat nya sendiri dan mengingini perlindungan Teman Yang Maha Tinggi apabila dia mangkat.

Lebih-lebih lagi, kami harus berdo'a begitu juga, dalam Iman.

- "Allahumma, (Ya Allah),
- Astaghfirullah (Ampunilah dosa ku.)**
Aku tolak cara-jalan lain untuk menyelamatkan diri-ku sendiri dan aku percaya kepada tanda Pengorbanan Mu dalam Isa A.S. untuk menyelamatkan aku di-hari Kiamat! Aku terima jalan Mu sahaja.
- Peganglah diriku ini dengan cukup erat menerusi Teman Yang Maha Tinggi!"**

Adakah kami terlindung di-dalam kuasa yang tidak akan luput dari Teman Yang Maha Tinggi, Isa A.S., Pemegang-Tangan yang paling di-percayai dari Allah SWT?

Semoga Allah SWT menyembuhkan dan memberi rahmat dengan kuasaNya dalam Siratul Mustaqim!

Wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakaatuh.

Al Mustaqim
No. 41 Jalan Rose Merah
4/10 Taman Johore Jaya
Johor Bahru, Johore 81100
Malaysia